

UMS giat laksana pelbagai program kamus mesra alam

NST 8.4.2014 !!

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini giat melaksanakan pelbagai program dalam usaha mencapai hasrat menjadikan universiti itu sebagai kampus mesra alam (Eco Campus).

Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus UMS Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul berkata, sejajar dengan itu, UMS telah melancarkan Pelan Tindakan EcoCampus lima tahun (2013-2017) pada Februari tahun lepas dan kempen Kesedaran Pejabat Hijau.

Beliau berkata, pelan induk itu mencaatkan strategi lima tahun akan datang di mana UMS berharap untuk mencapai status penuh EcoCampus pada tahun 2017 dan menjadi universiti pertama di Malaysia yang berbantat demikian.

"UMS berharap akan menjadi sebuah kampus mesra alam pertama di Malaysia. Universiti lain telah melaksanakan pelbagai program kemampunan, tetapi untuk menjadi kampus mesra alam, universiti itu perlu melihat semua aspek termasuk kurikulum dan pengurusan sumber," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada majlis persidangan serantau pertama mengenai kemampunan kampus 2014.

Dr. Awangku Hassanal juga berharap UMS menjadi pusat rujukan pemuliharaan alam sekitar institut pengajian tinggi lain yang bercita-cita untuk menjadi kampus mesra alam pada masa akan datang.

"Sejak pelancaran pelan induk Eco Campus pada tahun lalu, UMS telah melaksanakan pelbagai perubahan dari segi pengurusan sum-

ber manusia. Pada tahun lepas kita telah berjaya mengurangkan 20 peratus penggunaan kertas," katanya.

Selain itu katanya, usaha lain yang dilaksanakan oleh UMS untuk mencapai status kampus mesra alam ialah dengan memastikan hospital universiti itu mendapat sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI).

"Kalau ini dapat direalisasikan, kita akan

mempunyai hospital hijau yang pertama di negara ini," katanya.

Dr. Awangku Hassanal berkata, UMS juga dalam proses untuk mewujudkan pusat kitar semula di kampus itu untuk memudahkan pihak universiti itu mengitar semula sisa-sisa buangan.

"Pusat kitar semula ini dijangka siap pada Jun ini. Kami telah menandatangani perjanjian

persefahaman dengan sebuah syarikat untuk mengurus pusat kitar semula itu," katanya dan menambah, hasil kitar semula itu akan dijual dan kutipan akan digunakan untuk membentuk program penghijauan di kampus itu.

Persidangan dua hari itu yang akan berakhir hari ini disertai lebih 100 peserta.

-OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabahtimes.com.my)

KUNJUNGAN HORMAT... Satu delegasi dari Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diketuai oleh Dekannya, Prof Dato' Mohd Hamdan Hj Adnan membuat kunjungan hormat terhadap Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Seri Haji Hajiji Haji Noor baru-baru ini.

Kunjungan ini untuk memberikan taklimat kepada menteri tentang Program akan datang tentang Sejarah Sekolah itu serta pertandingan Kuiz Sekolah Menengah Peringkat Negeri yang akan diadakan pada hujung minggu ini.

Turut hadir Penyelia Program itu, Prof Madya Dr



Rahman Tang Abdullah; Penyelia Program, Cik Roshayati Hussin; Timbalan Pen-

garah Cik Nadianah dan pensyarah kanan Mahat Jamal.

Dari kiri Roshayati, Hamdan, Dr Rahman, Hajiji, Mahat dan Nadianah.